

Malaysia, Turkiye terus perkukuh kerjasama industri bernilai tinggi

Penubuhan HLSCC bakal buka lembaran baharu dalam hubungan dua negara

Daripada Farah Nabilah Wazer di Istanbul

bhnews@bh.com.my

Malaysia dan Turkiye bersetuju memperkukuh kerjasama industri bernilai tinggi dengan memberi tumpuan kepada sektor strategik merangkumi pertahanan, tenaga, pembinaan dan teknologi canggih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Turkiye mempunyai kapasiti kukuh dalam industri pertahanan dan pembuatan, khususnya dalam pembangunan teknologi dron dan pembinaan berskala besar. Ia secara tidak langsung membuka peluang kerjasama lebih luas dengan rakan industri dari Malaysia.

Katanya, Malaysia turut memberi perhatian terhadap keupayaan syarikat nuklear Turkiye sebagai antara bidang yang berpotensi untuk diteroka dalam perancangan jangka panjang sektor tenaga negara.

"Turkiye mempunyai kekuatan tersendiri, khususnya sebagai antara yang terkuat dalam industri pertahanan dan sebagai



Anwar pada ucapan pembukaan sesi meja bulat bersama pemain industri Turkiye dan Malaysia di sebuah hotel di Istanbul, kelmarin. (Foto bernama)

sebuah negara, kami juga telah memutuskan untuk memberi tumpuan kepada kekuatan syarikat nuklear Turkiye dalam usaha perolehan," katanya pada ucapan pembukaan sesi meja bulat bersama pemain industri Turkiye dan Malaysia di sebuah hotel di Istanbul, kelmarin.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia memiliki kekuatan tersendiri dalam sektor tenaga termasuk eksport gas asli cecair (LNG), di samping peranan penting negara dalam industri elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor serta kecerdasan buatan (AI) pada peringkat serantau.

Beliau berkata, penggabungan kekuatan industri kedua-dua negara berupaya mewujudkan kerjasama lebih tersusun dan berimpak tinggi, khususnya dalam pembangunan teknologi baharu,

perkongsian kepakaran serta penguasaan jaringan pasaran.

Sebanyak 39 syarikat Turkiye dan 7 syarikat Malaysia terbahit dalam sesi meja bulat yang berlangsung selama 30 minit itu.

Catat pencapaian penting

Sementara itu, pada sidang media pada hari terakhir lawatan rasmi itu, Anwar berkata penubuhan Majlis Kerjasama Strategik Peringkat Tinggi (HLSCC) meletakkan Malaysia dalam kelompok kecil negara yang diberikan kepercayaan Turkiye untuk menjalin kerjasama.

Katanya hubungan dua hala Malaysia - Turkiye mencatat pencapaian penting dengan penubuhan HLSCC, sekali gus mengangkat kerjasama ke tahap tertinggi dalam sejarah diplomatik kedua-dua negara.

Beliau berkata, majlis kerjasama itu adalah mekanisme eksklusif yang hanya diwujudkan bersama rakan diplomatik paling rapat dan dipercayai Turkiye.

"Ini sesuatu permulaan yang menarik kerana tidak banyak negara yang kita adakan hubungan dua hala pada peringkat itu, kerana dalam *high level* ini, majlis ini, ia mesti dipengerusikan bersama oleh Presiden (Erdogan) dan saya," katanya.

Anwar turut menyifatkan penubuhan HLSCC sebagai satu langkah besar yang bakal membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala, selain memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik penting Turkiye.

Anwar berkata, HLSCC memberi tumpuan kepada penguasaan kerjasama strategik merentas

pelbagai sektor bernilai tinggi termasuk pendidikan tinggi, penyelidikan serta teknologi baharu.

"Hubungan di antara dua negara akan tertumpu dalam pelaburan, perdagangan dan hubungan strategik dalam pelbagai bidang antaranya pendidikan tinggi, penyelidikan dan juga beberapa disiplin dan teknologi baru termasuk penerbangan, AI, tenaga dan nadir bumi.

Mengulas keseluruhan lawatan rasmi itu, Anwar berkata layanan diterima Malaysia luar biasa, merangkumi aspek protokol, penganugerahan negara serta sambutan rakyat Turkiye.

Anwar diiringi isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir serta Menteri Pelaburan, Perdagangan Antara Bangsa dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Perdana Menteri juga berkesempatan menerima kunjungan bekas bintang bola sepak Jerman dan Arsenal, Mesut Özil, dalam satu pertemuan di sini.

Dalam hantaran media sosial Anwar yang mengakui dirinya penyokong Manchester United berkata, pertemuan itu membuka ruang untuk beliau berkongsi pengalaman serta bertukar pandangan dengan Özil mengenai pelbagai isu semasa, termasuk perkara berkaitan kepentingan umat Islam dan situasi kemanusiaan di Gaza.